



BULETIN MAJLIS DAERAH BAU

MD BAU BROADCAST

EDISI 2/2024

Pencapaian

CLOTHES DONATION DRIVE
HARI PENGUMPULAN
PAKAIAN TERPAKAI



3,541.30 KG

THE OIL-CYCLE PROJECT
HARI PEMBELIAN MINYAK
MASAK TERPAKAI



1,152.36 KG

WASTE TO CASH
HARI PEMBELIAN BARANGAN
KITAR SEMULA



2,585.50 KG



082-763129



mdbau.sarawak.gov.my



<https://baudc.sarawak.gov.my>



Majlis Daerah Bau
Jalan Ong Guan Cheng,
94000, Bau, Sarawak

- ★ SAMBUTAN PENUTUPAN HARI GAWAI 2024
- ★ SIRIM AUDIT PEMANTAUAN ISO 9001:2015
- ★ KONVENSYEN PIHAK BERKUASA TEMPATAN 2024
- ★ HARI KELUARGA MDB 2024
- ★ BAU CAR FREE MORNING 2024



BULETIN MDB EDISI 22024
EBOOK

BAU - BE BOLD, AMBITIOUS & UNIFIED

ISI KANDUNGAN

- 2** Seuntai Kata Pengerusi Majlis
Secebis Bicara Setiausaha Majlis
- 3** Sambutan Penutupan Hari Gawai 2024
Operasi Pemeriksaan Premis Makanan Tidak Berlesen Di Kawasan Siniawan
- 4** Penghormatan Terakhir Kepada Mendiang Kr. Voon Vu Sen
Program Hentikan Rabies
- 5** Program Waste To Cash Siri 1/2024
Denim Upcycle Workshop
- 6** Majlis Persaraan Encik Moharmat @ Karim bin Sador
Konvensyen Kreatif dan Inovatif MPHLG 2024
- 7** Kunjungan Hormat Kolej Komuniti Mas Gading Ke Majlis Daerah Bau
Sirim Audit Pemantauan ISO 9001:2015
- 8** Program Cuti Sekolah
- 9** Program Waste To Cash Siri 2/2024 & Bengkel Plastic Academy
- 10** Sesi Lawatan Tapak Anugerah Smart Komuniti (ASK) 2024
Perhimpunan Kakitangan Bil.3/2024 Dan Taklimat SSPA
Operasi Pengasapan (Fogging) Bagi Kawalan Wabak Denggi Bersama Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Bau
- 11** Konvensyen Pihak Berkuasa Tempatan 2024
Program 3R Tabika KEMAS Segong, Singai
- 12** Liputan Temubual Edisi Khas TVS Bersama Ketua Kaum Kampung Tasik Biru
Siaran Edisi Khas - Alunan Tukul dan Bara
Lawatan Ke Chimney Gold Mining
- 13** Hari Keluarga MDB 2024
- 14** Pelepasan Kontinjen Pasukan MDB Ke Mini Sukan PBT
Program 3R Tabika KEMAS Serasot, Bau
Program 3R Tabika KEMAS Opar, Bau
- 15** Pemeriksaan Penggredan Premis Makanan Dan Minuman
MajlisAnugerah MPHLG 2024
Program Waste To Cash Siri 3 & Car Free Morning 2024
- 16** Pemeriksaan Penggredan Premis Makanan Dan Minuman
Majlis Makan Malam Tahunan MDB 2024
Singai low Carbon Day
- 17** Majlis Penyerahan Tapak Projek GKCD
Sambutan Hari Krismas MDB 2024

SEUNTAI KATA Pengerusi Majlis

Salam Sejahtera dan Salam Sarawak Maju Makmur.



Setinggi-tinggi ucapan terima kasih saya tujukan kepada pihak Majlis Daerah Bau kerana memberi ruang kesempatan kepada saya untuk menyampaikan sepatah dua kata dalam Buletin MDB Edisi 2/2024. Segala komitmen dan sumbangan warga MD Bau yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penerbitan buletin ini amatlah dihargai dan disanjung tinggi.

Dengan usaha yang berterusan, Majlis Daerah Bau telah membuktikan bahawa kecekapan, ketekunan, dan sikap profesionalisme dalam melaksanakan tugas dan amanah yang dipertanggungjawabkan adalah kunci kejayaan dalam penyampaian perkhidmatan yang cemerlang. Usaha yang telah ditunjukkan oleh warga MD Bau ini tidak hanya memberi impak positif kepada organisasi kita, malah turut menjadi contoh yang baik kepada rakan-rakan sekerja yang lain. Semoga prestasi cemerlang ini terus menjadi inspirasi kepada kita semua untuk mencapai kejayaan yang lebih besar di masa hadapan.

Akhir kata, saya mendoakan kesejahteraan buat semua warga MD Bau untuk terus berusaha mencipta kejayaan demi kesejahteraan penduduk di daerah Bau. Bersama-samalah kita membulatkan tekad dan berusaha gigih untuk memastikan penyampaian perkhidmatan MD Bau berada di puncak kegemilangan.

ENCIK CONSTANTINE GERALD DAVID ANAK JONAS
PENGERUSI MAJLIS DAERAH BAU

SECEBIS BICARA Setiausaha Majlis

Salam Sejahtera dan Salam Sarawak Maju Makmur.

Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Sidang Redaksi kerana berupaya menghasilkan Buletin MDB Edisi 2/2024 yang mana mencerminkan wajah Majlis Daerah Bau buat tatapan semua. Kesempurnaan dalam semua aspek perlu dititikberatkan kerana buletin ini akan menjadi medium rujukan terhadap segala perkembangan yang berlaku serta peristiwa suka duka yang terjadi terlakar di bumi Majlis Daerah Bau.



Sebagai sebuah organisasi yang komited dalam mencapai kecemerlangan, kita semua harus memahami bahawa budaya kerja yang positif adalah asas yang kukuh untuk mencapai kejayaan jangka panjang. Budaya kerja cemerlang bukan hanya tentang pencapaian individu, tetapi lebih kepada bagaimana kita bekerjasama sebagai satu pasukan untuk mencapai matlamat bersama. Dengan mengamalkan budaya ini, kita bukan sahaja dapat mencapai kecemerlangan dalam kerjaya, tetapi juga memberi impak positif kepada masyarakat dan negara.

Akhir kata, saya berharap setiap daripada kita dapat terus meningkatkan semangat kecemerlangan dalam setiap aspek kerja kita. Mari kita bersama-sama bergerak ke arah kejayaan yang lebih gemilang.

ENCIK ONG CHIN PING
SETIAUSAHA MAJLIS DAERAH BAU

5 JULAI 2024 : SAMBUTAN PENUTUPAN HARI GAWAI 2024



Program yang dilaksanakan oleh KSRB ini telah dirasmikan oleh Encik Ong Chin Ping, Setiausaha Majlis Daerah Bau selaku Penaung Kelab. Turut memeriahkan lagi majlis ini adalah kehadiran Penghulu Adam Voon Voo Shin yang menyokong penuh pelaksanaan majlis ini. Pengerusi Kelab KSRB, Encik Alban Ebony, berharap sambutan majlis yang dianjurkan itu mampu mengeratkan hubungan silaturahim antara satu sama lain di samping meraikan perayaan Hari Gawai secara harmoni, tidak mengira bangsa dan agama setiap kakitangan yang hadir bersama.

18 JULAI 2024 : OPERASI PEMERIKSAAN PREMIS MAKANAN TIDAK BERLESEN DI KAWASAN SINIAWAN



25 JULAI 2024 : PENGHORMATAN TERAKHIR KEPADA MENDIANG KR. VOON VU SEN



Setiausaha Majlis Daerah Bau, Encik Ong Chin Ping diiringi oleh beberapa orang kakitangan serta Ahli Majlis Daerah Bau telah memberikan penghormatan terakhir kepada mendiang Kaunselor Voon Vu Sen yang telah meninggal pada 24 Julai 2024. Antara yang hadir bersama adalah Yang Berhormat Tuan Miro Simuh, Ahli Dewan Undangan Negeri N18 Serembu.

27-28 JULAI 2024 : PROGRAM HENTIKAN RABIES



Program yang diadakan selama 2 hari bertempat di Balai Raya Pekan Tondong ini menawarkan perkhidmatan penting termasuk vaksinasi dan microchip untuk anjing supaya dapat membasmi rabies. Inisiatif penting ini adalah usaha bersama Majlis Daerah Bau, Boehringer Ingelheim, Jabatan Veterinar Sarawak, Persatuan Pencegahan Kekejaman Terhadap Haiwan Sarawak (SSPCA) dan agensi- agensi yang berkaitan.

27 JULAI 2024 : PROGRAM WASTE TO CASH SIRI 1/2024



MAJLIS DAERAH BAU
SUSTAINABILITY MOVEMENT

ZERO WASTE INITIATIVES REPORT LAPORAN INISIATIF SIFAR SISA

Majlis Daerah Bau ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada anda yang telah membantu dan menyokong inisiatif ini.

Pencapaian

CLOTHES DONATION DRIVE
HARI PENGUMPULAN
PAKAIAN TERPAKAI

3,541.30 KG

THE OIL-CYCLE PROJECT
HARI PEMBELIAN MINYAK
MASAK TERPAKAI

1,152.36 KG

WASTE TO CASH
HARI PEMBELIAN BARANGAN
KITAR SEMULA

2,585.50 KG

DNS

LOKUM

WarmingUp

27 JULAI 2024 : DENIM UPCYCLE WORKSHOP



16 OGOS 2024 : MAJLIS PERSARAAN ENCIK MOHARMAT @ KARIM BIN SADOR



Majlis Daerah Bau mengucapkan jutaan terima kasih atas jasa dan bakti yang telah dicurahkan sepanjang perkhidmatan beliau. Semoga Encik Moharmat @ Karim bin Sador diberikan kesihatan yang baik dan dipanjangkan usia.

26-28 OGOS 2024 : KONVENSYEN KREATIF DAN INOVATIF MPH LG 2024



30 OGOS 2024 : KUNJUNGAN HORMAT KOLEJ KOMUNITI MAS GADING KE MAJLIS DAERAH BAU



Rombongan telah diketuai oleh Encik Khalid Hussein bin Tuah, Pengarah baru Kolej Komuniti Mas Gading yang diiringi oleh Puan Munirah binti Yahya, Encik Bonifes Chuyu anak Barau, Encik Shamsul Johari bin Shaari, Jenny anak Bujang dan Hanafi bin Morhtar telah disambut oleh Encik Ong Chin Ping, Setiausaha Majlis Daerah Bau. Kunjungan hormat bertujuan untuk memperkenalkan diri serta mengukuhkan dan mewujudkan hubungan yang baik diantara kolej komuniti bersama Majlis Daerah Bau.

4-5 SEPTEMBER 2024 : SIRIM AUDIT PEMANTAUAN ISO 9001:2015



Sesi audit telah diketuai oleh Encik Mohd Nasir bin Mohd Zainuddin, Juruaudit SIRIM serta diiringi Encik Hiu Kee Hing merangkap Pegawai Teknikal bagi Pasukan Bertugas ISO 9001:2015. Majlis Pembukaan dan Penutupan Audit telah disempurnakan oleh Encik Ong Chin Ping, Setiausaha Majlis Daerah Bau dan dihadiri oleh semua Ketua Bahagian, Ketua Seksyen dan Pemilik Proses.

17-20 SEPTEMBER 2024 : PROGRAM CUTI SEKOLAH



-  Perpustakaan Awam, MDB
-  Batik Painting on Swiss Roll Cake Workshop
-  Cupcake Decoration & Mini Sandwich workshop
-  Sushi Roll & Fruit Salad Workshop
-  Mini Pizza & Banana Cream Making Workshop



28 SEPTEMBER 2024 : PROGRAM WASTE TO CASH FASA 2 & BENGKEL PLASTIC ACADEMY



Tahniah diucapkan kepada komuniti daerah Bau kerana telah berjaya mengumpul sebanyak 1764.60 KG barangan kitar semula sempena program Waste to Cash yang telah berlangsung minggu lepas. Barangan yang di kitar semula merangkumi e-waste (barangan elektrik), kertas, plastik, minyak masak terpakai dan lain-lain. Serentak dilaksanakan bersama adalah Bengkel Plastik Academy yang telah dihadiri seramai 30 peserta dipimpin oleh kumpulan NGO WormingUP.

03 OKTOBER 2024 : SESI LAWATAN TAPAK ANUGERAH SMART KOMUNITI (ASK) 2024



 Kampung Merembbeh, Bau

Seramai 4 orang panel yang diketuai oleh Encik Lloyd Huffman Miko, Ketua Seksyen Pendidikan Komuniti dari Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Sarawak (MPHLG) telah hadir untuk sesi penilaian dan verifikasi dokumen yang berlangsung di Kampung Merembbeh mulai jam 9.00 pagi sehingga 12.00 tengahari. Projek ASK yang dicalonkan adalah Merembbeh: Then and Now yang diterajukan oleh Koperasi Kampung Merembbeh.

21 OKTOBER 2024 : PERHIMPUNAN KAKITANGAN BIL.3/2024 DAN TAKLIMAT SSPA



Sesi perhimpunan kakitangan dan Taklimat SSPA kepada kakitangan Majlis Daerah Bau bertempat di Dewan Mesyuarat, Majlis Daerah Bau. Sesi taklimat dihadiri Setiausaha Majlis Daerah Bau Ong Chin Ping. Sesi taklimat juga disampaikan oleh Cik Ilyana bt Mohamad selaku Penolong Setiausaha, Majlis Daerah Bau.

22 OKTOBER 2024 : OPERASI PENGASAPAN (FOGGING) BAGI KAWALAN WABAK DENGGI BERSAMA PEJABAT KESIHATAN DAERAH (PKD) BAU



26-27 OKTOBER 2024 : KONVENSYEN PIHAK BERKUASA TEMPATAN 2024



Konvensyen Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) 2024 bertemakan 'Sinergi MADANI, Perkukuh PBT' anjuran Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bertempat di Dewan Sivik, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ). Konvensyen PBT menjadi platform yang memberi peluang kepada semua peserta berkongsi pengalaman, kemahiran dan berbincang untuk mencari pendekatan penyelesaian yang inovatif serta kreatif bagi isu-isu yang melibatkan pengurusan dan tanggungjawab PBT.

Turut hadir, Setiausaha MDB, Encik Ong Chin Ping dan 2 orang Ahli Majlis.

29 OKTOBER 2024 : PROGRAM 3R TABIKA KEMAS SEGONG, SINGAI



30 OKTOBER 2024 : LIPUTAN TEMUBUAL EDISI KHAS TVS BERSAMA KETUA KAUM KAMPUNG TASIK BIRU



 Perpustakaan Awam, MDB

06 NOVEMBER 2024 : SIARAN EDISI KHAS - ALUNAN TUKUL DAN BARA



07 NOVEMBER 2024 : LAWATAN TAPAK KE CHIMNEY GOLD MINING



Jabatan Muzium Sarawak telah mengadakan lawatan tapak ke "Chimney" (digunakan untuk melebur emas pada tahun 1920an) bersama Pemanca Bong Jong Long bagi permohonan untuk di gazettekan sebagai tapak warisan.

09 NOVEMBER 2024 : HARI KELUARGA MDB 2024



Program Hari Keluarga MDB 2024 yang diadakan di Palm Beach kali ini bertujuan untuk menyemarakkan semangat kerjasama, hormat-menghormati dan menanam nilai-nilai murni melalui aktiviti yang dijalankan. Setiausaha Majlis, Encik Ong Chin Ping turut hadir ke program tersebut sebagai tanda sokongan dalam penganjuran aktiviti Majlis.



19 NOVEMBER 2024 : PELEPASAN KONTINJEN PASUKAN MDB KE MINI SUKAN PBT



Seramai 51 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan majlis akan menyertai Mini Karnival Sukan PBT Zon Selatan 2024, yang akan berlangsung pada 20hb-23hb November 2024 anjuran Majlis Daerah Simunjan. Selamat maju jaya diucapkan kepada seluruh kontinjen.

21 NOVEMBER 2024 : PROGRAM 3R TABIKA KEMAS SERASOT, BAU



27 NOVEMBER 2024 : PROGRAM 3R TABIKA KEMAS OPAR, BAU



27-28 NOVEMBER 2024 : PEMERIKSAAN PENGREDAN PREMIS MAKANAN DAN MINUMAN



29 NOVEMBER 2024 : MAJLIS ANUGERAH MPH LG 2024



Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2023 adalah Cik Nurain Na'ilah, Cik Merici Ceylist, Cik Suraya binti Jemadi, Encik Gabriel anak Rigis, Encik Alexander anak Risiap, Encik Benedict anak Util dan Encik Raymond anak Goreng. Manakala, JKKK Kampung Merembek, sebagai finalis bagi Anugerah Smart Komuniti (ASK) 2024. JKKK Kampung Merembek telah berjaya mengunggam Anugerah Kategori Perak bernilai RM 7,000.


30 NOVEMBER 2024 : PROGRAM WASTE TO CASH SIRI 3 & CAR FREE MORNING 2024

Program Waste To Cash Fasa 3 pada kali ini telah diadakan secara serentak bersama dengan Program Bau Car Free Morning bertempat di Dewan Suarabau. Beberapa aktiviti sampingan turut diadakan antaranya zumba dan juga cabutan tiket bertuah kepada 200 peserta yang telah mendaftar menyertai 3KM Fun Walk.

Program Bau Car Free Morning telah dirasmikan oleh Encik Constantine Gerald David Anak Jonas, Pegawai Daerah Bau. Turut hadir ke majlis perasmian tersebut adalah Encik Ong Chin Ping, Setiausaha Majlis Daerah Bau, Temenggong Atok anak Derop, Pemanca Bong Jong Long, Ahli-Ahli Majlis Daerah Bau dan Ketua Masyarakat Ketua Kaum (KMKK) Daerah Bau.



04 DISEMBER 2024 : PEMERIKSAAN PENGREDAN PREMIS MAKANAN DAN MINUMAN



07 DISEMBER 2024 : MAJLIS MAKAN MALAM TAHUNAN MDB 2024

Majlis Makan Malam Tahunan MDB 2024 anjuran Kelab Sukan Dan Rekreasi MD Bau (KSRB) yang bertemakan "Olympic Spirit" telah diadakan di Imperial Hotel, Kuching. Majlis Makan Malam tersebut dimulai dengan bacaan doa daripada Encik Donelly Deli anak Merum dan dirasmikan oleh Encik Ong Chin Ping selaku Setiausaha Majlis Daerah Bau. Turut dijemput bagi memeriahkan majlis pada malam tersebut adalah Encik Jitos Anak Nyah yang telah bersara wajib pada 21 Februari 2024 dan 2 orang kakitangan MD Bau yang telah berpindah adalah Encik Mohd Hafidzullah bin Said (MD Lubok Antu) serta Encik Shelri Anak Rimow (UNIMAS).



14 DISEMBER 2024 : SINGAI LOW CARBON DAY 2024



16 DISEMBER 2024 : MAJLIS PENYERAHAN TAPAK PROJEK GKCD



Penurapan Jalan Rumah Ke Rumah di bawah DUN N.1 Opar oleh agensi Pelaksana Majlis Daerah Bau telah diadakan di kediaman KK Anthony Jirang Anak Noyem, KK Kampung Sepadah bertempat di Lorong 18. Majlis yang dirasmikan oleh YB Tuan Billy Sujang selaku Adun N.1 Opar. Projek penurapan tersebut melibatkan Lapan (8) buah kampung yang di bawah Dun N.1 Opar iaitu Kampung Sepadah, Kampung Tembawang Tembawang Baru, Kampung Tembawang Sauh, Kampung Opar, Kampung Rumih, Kampung Stenggang, Kampung Pidilam dan Kampung Jugan.


Turut hadir bersama adalah Temenggung Bidayuh, Penghulu Zon Bratak, wakil Pejabat Daerah Bau, JBALB Bau, JKR Bau, DID Kuching dan Ahli Majlis Zon Bratak.

20 DISEMBER 2024 : SAMBUTAN HARI KRISMAS MDB 2024



Bahagian Pembangunan Komuniti Majlis Daerah Bau bersama Kelab MDBau telah menganjurkan satu program sambutan Hari Krismas yang berlangsung dengan meriah di Perpustakaan Awam Majlis Daerah Bau. Program ini bertujuan untuk menyemarakkan semangat perayaan dalam kalangan kakitangan serta memupuk perpaduan dan keharmonian antara pelbagai kaum dan agama di pejabat ini.

Salam Takziah



Sidang Redaksi Buletin Majlis Daerah Bau

Penasihat

Encik Ong Chin Ping

Penyelaras

Puan Adeline Molly Anak Francis Kiyuk

Editor & Pengarang

Puan Stepfanie Anak James

Jurufoto

Encik Aric Steven Anak Monday

Puan Elezabeth Susanti Anak Sari

Penerbit

Bahagian Pembangunan Komuniti & Korporat

